

05/09/1997

Panel khas tangani manipulasi ringgit

KUALA LUMPUR, Khamis - Satu jawatankuasa khas yang dianggotai oleh tokoh korporat tempatan ditubuhkan bagi menangani manipulasi ringgit dan pasaran saham negara oleh pengurus dana asing, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tokoh berkenaan sudah pun memberikan kerjasama kepada kerajaan dengan mengesyorkan pandangan dan pendekatan yang mungkin dapat diambil bagi menyelesaikan masalah terbabit, katanya.

"Tokoh korporat memang datang kepada saya untuk memberi pandangan dan nasihat dan mengambil bahagian di dalam satu jawatankuasa yang kita tubuhkan untuk mengatasi masalah ini," kata Dr Mahathir dalam satu wawancara khas dengan RTM menjelang Perhimpunan Agung Umno, yang dirakam di sini baru-baru ini.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak bercadang mengambil tindakan ke atas rakyat tempatan yang "menangguk di air keruh", dengan membantu dana asing membuat jualan singkat sehingga melemahkan sentimen pasaran saham.

"Kerajaan tidak perlu mengambil tindakan ke atas sesuatu yang dilakukan sebelum sesuatu itu dilarang," katanya merujuk kepada jualan singkat yang dibenarkan oleh kerajaan sebelum ia diharamkan minggu lalu.

"Ya, sebelum ini memang ada antara mereka yang selalu membuat lindung nilai dan sebagainya. Tetapi sekarang ini ia dilarang dan mereka patuh kepada keputusan terbabit," tambah beliau. - Bernama

(END)